

DICLOGESIC GEL®

Diclofenac Sodium 1% w/w

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Diclogesic Gel
2. Bagaimana Diclogesic Gel berfungsi
3. Sebelum menggunakan Diclogesic Gel
4. Bagaimana Diclogesic Gel berfungsi
5. Semasa menggunakan Diclogesic Gel
6. Kesan-kesan Sampingan
7. Simpanan dan pelupusan Diclogesic Gel
8. Kandungan produk
9. Pengilang dan pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini

Apakah kegunaan Diclogesic Gel

Diclogesic Gel digunakan untuk rawatan sakit, radang dan bengkak di:

- Kecelakaan tenden, ligamen, otot dan sendi seperti tergeliat, lebam, tegang atau sakit belakang selepas sukan atau kemalangan.
- Penyakit sengal-sengal tulang seperti tendinitis, sindrom bahu-tangan, bursitis, periarthropatis dan rawatan simptom osteoarthritis pada sendi kecil atau sederhana dekat pada permukaan kulit seperti sendi jari dan sendi lutut.

Bagaimana Diclogesic Gel berfungsi

Diclogesic Gel mengandungi bahan aktif diclofenac, salah satu ubat tahan sakit bukan steroid (ubat analgesik dan anti-radang)

Diclogesic Gel mempunyai sifat analgesik dan anti-radang. Ianya juga

mempunyai sifat menenangkan dan menyejukkan .

Sebelum menggunakan [nama produk]

- Bila tidak boleh menggunakan Diclogesic Gel

Diclogesic Gel tidak boleh digunakan jika ada alah kepada bahan aktif diclofenac atau agen-agen analgesik dan anti-radang lain (terutamanya asid salisilik, aspirin dan ibuprofen) dan jika alah kepada propylene glycol. Isopropil alkohol atau eksipien lain. Kesan-kesan alah ini seperti asma, masalah respiratori, alah kulit, gatal, muka dan lidah bengkak dan hidung berair.

Diclogesic Gel tidak patut digunakan semasa trimester ketiga kehamilan.

- Sebelum mula menggunakan Diclogesic Gel

Diclogesic gel tidak boleh disapu pada luka terbuka (e.g. lelasan) atau pada kulit rosak (e.g. eksema, ruam). Diclogesic Gel tidak boleh digunakan untuk jangkamasa yang lama pada permukaan yang besar kecuali bawah arahan doktor.

Elakkan daripada bersentuhan dengan mata dan membran mukus. Sekiranya tersentuh dengan tidak sengaja, bilas dengan air secara teliti. Jika masalah berterusan, sila menghubungi doktor.

Jangan menelan produk ini.

Jika kanak-kanak atau anda tertelan produk dengan tidak sengaja, sila menghubungi doktor anda dengan segera.

Sesetengah pesakit boleh mengalami kerengsaan kulit yang ringan dan setempat disebabkan propylene glycol dalam diclogesic gel.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Diclogesic Gel tidak patut digunakan bersama pembalut hermetik.

Sila menghubungi doktor anda jika anda mengalami tindakbalas alahan terhadap produk-produk sama jenis seperti salap antirheumatik.

Atau jika anda mempunyai penyakit lain, alah, mengambil atau sudah menggunakan ubat lain untuk penggunaan dalaman atau luaran (termasuk ubat sendiri).

Masa hamil dan menyusu:

Semasa trimester pertama dan kedua masa kehamilan dan semasa menyusu, diclogesic gel tidak patut digunakan kerana ianya mungkin membahayakan bayi yang belum lahir atau menyebabkan masalah semasa melahirkan anak.

Sebagai langkah berjaga-jaga, anda harus mengelakkan, jika boleh, daripada mengambil ubat semasa mengandung dan menyusu, atau berunding dengan doktor atau nasihat ahli farmasi anda.

Cara menggunakan [nama produk]

Untuk mengeluarkan meterai pada tuib gel, keluarkan penutup, masukkan bahagin tajam kepada meterai dan pusing.

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa dan kanak-kanak berumur 12 ke atas:

Bergantung kepada kawasan yang sakit, bengkak atau permukaan yang perlu dirawat, sapu secara ringan. Jika untuk sakit otot, perlu gosok dengan lebih kuat dengan menggunakan 2-4 g diclogesic gel (lebih kurang saiz kacang walnut) 3-4 kali sehari.

Basuhkan tangan selepas sapu kecuali jika digunakan untuk sakit sendi jari.

DICLOGESIC GEL®

Diclofenac Sodium 1% w/w

Kanak-kanak berumur 12 kebawah:

Setakat kini, masih tidak cukup maklumat untuk penggunaan diclogesic gel pada kanak-kanak 12 tahun kebawah dan tidak digalakkan. Sila ikut dos yang dinyatakan pada risalah ubat atau ikut arahan doktor. Jika anda perasa kesan ubat tidak cukup kuat atau terlalu kuat, sila menghubungi doktor atau ahli farmasi anda. Sila menghubungi doktor anda jika gejala-gejala bertambah teruk atau tidak bertambah baik selepas satu minggu.

- Bila perlu digunakan

Diclogesic Gel digunakan untuk rawatan sakit, radang dan bengkak di:

- Kecelakaan tenden, ligamen, otot dan sendi seperti tergeliat, lebam, tegang atau sakit belakang selepas sukan atau kemalangan.
- Penyakit sengal-sengal tulang seperti tendinitis, sindrom bahu-tangan, bursitis, periarthropatis dan rawatan simptom osteoarthritis pada sendi kecil atau sederhana dekat pada permukaan kulit seperti sendi jari dan sendi lutut.

- Berapa lama perlu digunakan

Diclogesic gel tidak patut digunakan lebih dari 2 minggu tanpa arahan doktor.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa untuk guna diclogesic gel, gunakan secepat mungkin dan ikut saja kekerapan

biasa. Jangan gunakan ubat berganda sekaligus.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Sila hubungi doktor atau ahli farmasi anda.

Semasa menggunakan Diclogesic Gel

- Perkara yang tidak boleh dilakukan
Diclogesic gel tidak boleh disapu pada luka terbuka (e.g. lelasan) atau pada kulit rosak (e.g. eksema, ruam).

- Perkara yang perlu diberi perhatian
Diclogesic gel tidak patut digunakan jika ada alahan kepada bahan aktif diclofenac atau alah kepada ubat tahan sakit atau anti-inflamatori lain (terutamanya asid acetylsalicylic, aspirin dan ibuprofen) dan jika ada alahan terhadap propylene glycol, isopropyl alcohol atau eksipien lain.

Kesan-kesan sampingan

Semasa menggunakan diclogesic gel, mungkin mengalami kesan-kesan sampingan berikut: kesan-kesan sampingan yang teruk mungkin berlaku dalam kes-kes yang sangat jarang.

Berhenti terus menggunakan diclogesic gel dan hubungi doktor anda jika kesan-kesan sampingan seterusnya berlaku:

- ruam kulit yang teruk dengan lepuh dan gatal;
- bernaftas dengan termengah-mengah, sesak nafas dan asma;
- muka, bibir, lidah dan kerongkong bengkak

Manakala kesan-kesan sampingan berikut dibawah adalah ringan dan sementara;

- lebam kulit, gatal, kemerahan dan kulit rasa panas.
- Sensitif terhadap cahaya matahari mungkin berlaku tetapi ini jarang berlaku. Gejala-gejala pemekaan kulit sedemikian adalah selaran matahari yang gatal, bengkak dan melepuh.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Diclogesic Gel

- Penyimpanan

Simpan dalam tempat yang kering dengan suhu kurang dari 25°C.

Jauhi daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Buang ubat yang tidak habis selepas 6 bulan dibuka.

Jangan gunakan ubat jika sudah lepas tarikh luput yang tertulis atas kotak. Tarikh pada tarikh luput ialah hari terakhir bulan itu.

Ubat tidak boleh dibuang secara sisa sampah rumah.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Diclogesic gel berupa gel legap putih atau putih kekuningan

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Bahan aktif ialah diclofenac sodium (sebagai diclofenac diethylamine) 1% (w/w)

DICLOGESIC GEL[®]

Diclofenac Sodium 1% w/w

- Bahan tidak aktif
Karbomer, Isopropyl alkohol,
propylene glycol, makrogol,
cetostearyl ether, paraffin liquid,
cocoyl capryocaprata, fuogere
fragance, diethylamine, air suling.

- Nombor MAL:
MAL19971301AZ

Pengilang

Dar Al Dawa Development &
Investment Co. Ltd.
P.O. Box 9364,
Amman, 11191,
Jordan.

Pemegang Pendaftaran Produk

Antah Pharma Sdn. Bhd.
No. 3, Jalan 19/1,
46300 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

13 April 2022

No Serial:

NPRA(R2/1)190528/158